

TRANSFORMASI EPISTEMOLOGI KAJIAN AYAT *KAWNIYYAH*: TINJAUAN TERHADAP KARYA ERA KLASIK DAN MODEN DALAM BAHASA ARAB

Oleh:

Mohamed Akhiruddin Ibrahim
Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff
Azniwati Abdul Aziz
USIM

Abstrak

Pentafsiran ayat *Kawniyyah* dalam Al-Qur'an telah melalui transformasi epistemologi bermula dari awal kemunculannya sehinggalah waktu kini. Kajian terhadap ayat ini giat dilakukan oleh sarjana pada era klasik sehinggalah pasca moden yang memperlihatkan munculnya karya-karya akademik dalam bidang tersebut. Kajian ini melihat hasil penulisan tersebut oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang berkenaan bagi mentafsirkan ayat tertentu dalam karya mereka. Kajian ini juga melihat metodologi penulisan tokoh-tokoh dalam menghasilkan sesuatu bahan akademik. Sesuai dengan berlakunya peredaran zaman dan penemuan baru dalam sesuatu isu yang dikaji, sudah tentu berlakunya transformasi dalam penulisan seseorang tokoh. Aktiviti menerokai pentafsiran ini telah bermula dari zaman Abbasiyyah khususnya waktu pemerintahan Khalifah Harun Al-Rashid diikuti dan Khalifah Al-Makmun. Kajian dalam bidang ini terus melalui transformasi dengan mempamerkan Al-Ghazali yang dilihat sebagai seorang tokoh yang memberi legitimasi terhadap pentafsiran ini. Ia diikuti oleh tokoh selepasnya iaitu Abu Fadl Al-Mursi dan Jalal Al-Din Al-Suyuti. Pengkajian terhadap bidang ini terus melalui transformasi pada abad ke 13 Hijrah atau abad ke 19 Masihi melalui Muhammad Al-Iskandarani. Kemudian ia diikuti oleh Abdullah Basha Fikri, 'Abdal-Rahman al-Kawakibi serta tokoh-tokoh lain sehinggalah diikuti oleh Tantawi Jawhari. Selepasnya, terdapat banyak lagi kajian yang dilakukan sehinggalah muncul pada hari ini karya seperti *Tafsir Al-Ayat Al-Kawniyyah Fi Al-Quran Al-Karim* yang dihasilkan oleh Dr. Zaghlul Al-Najjar.

Kata Kunci: Al-Qur'an, Tafsir, Sains, Ayat Kawniyyah, Epistemologi.

Abstract

Interpretation of the Qur'anic *Kawniyyah* verses has undergone a transformation from the early emergence of epistemology until the current time. Studies of these verses by scholars have been carried out actively from the classical period until the post-modern era that witnesses the emergence of academic papers in that field. Hence, this article focuses on the work done by them in interpreting these verses. This article also focuses on the writing methodologies of prominent figures in the production of academic materials. In accordance with the changes of time and emergence of new discoveries in an issue being studied, of course, transformation occurs in the writings of a scholar. The interpretation exploration activity has begun from the Abbasid period, especially during the reign of Caliph Harun al-Rashid and followed by Caliph al-Mamun. Researches in this area continue to undergo a massive transformation through al-Ghazali, who is seen as a figure that gives legitimacy to this interpretation. It is followed by the subsequent figures namely Abu Fadl al-Mursi and Jalal al-Din al-Suyuti. Studies on this area continue to undergo immense changes in the 13th century AH or 19th century AD by Muhammad al-Iskandarani. Then it is followed by Abdullah Basha Fikri, 'Abd al- Rahman al-Kawakibi and other figures until Tantawi Jawhari. After that, there have been many more studies done on this area until the emergence of works like *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyah fi al-Quran al-Karim*, which is produced by Dr. Zaghlul al-Najjar.

Keywords: Al-Qur'an, Interpretation, Science, Kawniyyah Verses, Epistemology.

Pendahuluan

Al-Qur'an merupakan satu kitab diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan bagi kehidupan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan merangkumi akidah, syariah, akhlak dan tidak ketinggalan juga yang berkaitan dengan saintifik. Dalam bidang saintifik ini ia mencakupi pelbagai bidang, contohnya bidang astronomi merangkumi kejadian langit dan bumi, bentuk muka bumi, peredaran planet serta cahaya bulan dan matahari. Begitu juga bidang biologi berkaitan pengenalan melalui hujung jari, penciptaan berpasangan, peringkat kejadian manusia, air asas kehidupan dan sebagainya. Manakala berkaitan dalam bidang geologi pula berkenaan dengan proses penurunan hujan dan peranan gunung-ganang dalam kestabilan bumi. Dalam bidang sains kesihatan pula ia merangkumi bahaya arak, kemudaratan babi serta khasiat madu lebah dan lain-lain¹. Bagi memahami maksud yang terkandung dalam al-Qur'an para ulamak mantafsirkannya dengan pelbagai metodologi samada melalui *Tafsir al-Ma'thur* atau *Tafsir al-Ra'y*. Melalui pentafsiran *al-Ra'y* pula ulama membahagikannya kepada dua jenis iaitu *al-Ra'y al-Mamduh* dan *al-Ra'y al-Mazmum*.

Menurut Yusof al-Qaradhawi, melalui ayat al-Qur'an terdapat tanda-tanda tentang realiti ilmu yang tidak diketahui atau tidak dapat difahami oleh masyarakat semasa turunnya ayat tersebut². Perkembangan ilmu serta sains moden pada masa ini, berjaya merungkai beberapa perkara yang dahulunya tidak dapat dikupas secara terperinci apa yang dimaksudkan oleh al-Qur'an. Perkara-perkara ini khususnya yang berkaitan dengan fenomena alam semesta, kejadian manusia, serta isu-isu yang berkaitan dengan ilmu sains. Ini semakin jelas, bahawa al-Qur'an merupakan satu mukjizat yang diwahyukan oleh Allah SWT.

Bagi Maurice Bucaille, al-Qur'an telah memuatkan fakta-fakta saintifik lebih awal dari penemuan sains moden dengan perbezaan masa 1400 tahun³. Ini adalah salah satu lagi bukti yang menunjukkan bahawa al-Qur'an merupakan wahyu dari Allah SWT dan bukan ciptaan Nabi Muhammad SAW. Justeru,

dalam kajian ini penulis cuba mengkaji transformasi karya yang dihasilkan oleh para sarjana Islam dalam pentafsiran terhadap Ayat *Kawniyyah* yang terdapat dalam al-Qur'an.

Pengertian Tafsir *al-'Ilmi* dan Hubungannya Dengan Ayat *Kawniyyah*

Al-'Ilm adalah berasal dari علم yang membawa erti pengetahuan. Ia meliputi pengetahuan sama ada dalam bidang sains atau ilmu kemanusiaan (*nature science and humanities*). *Al-'Ilm* dalam konteks al-Qur'an ia membawa makna pengetahuan yang diwahyukan (*revealed*) dan pengetahuan yang diperolehi tanpa wahyu (*acquired*). Oleh itu terminologi⁴ ilmu adalah tidak terhad terhadap ilmu agama sahaja, bahkan ia meliputi pelbagai pengetahuan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada manusia dan makhluk yang lain. Menurut Muhammad Husin al-Dhahabi, Tafsir *al-'Ilmi* ialah kecenderungan dalam pentafsiran yang meliputi pelbagai ilmu pengetahuan berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an atau usaha untuk mengintegrasikan pelbagai ilmu pengetahuan tersebut serta falsafah yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Qur'an⁵. Tafsir *al-'Ilmi* juga didefinisikan sebagai usaha untuk memindahkan pengetahuan manusia atas kadar kemampuannya ke dalam tafsir al-Qur'an⁶. Boleh juga difahami bahawa tafsir ini adalah merupakan satu usaha menilai penemuan sains moden menurut ayat-ayat tertentu yang terdapat dalam al-Qur'an.

'Abd al-Rahman al-'Ak telah megkategorikan Tafsir *al-'Ilmi* tergolong dalam kumpulan *Tafsir al-Ishari* kerana tafsir ini terbatas terhadap Isyarat *Kawniyyah* dalam ayat al-Qur'an. Pada pandangan beliau, Tafsir *al-'Ilmi* hendaklah diasingkan dari Tafsir *al-'Aqli al-Ijtihadi* kerana ia tidak memenuhi syarat-syarat untuk berada dalam kategori tersebut⁷. Kita dapat melihat faktor beliau tidak mengkategorikan Tafsir *al-'Ilmi* sebagai Tafsir *al-Ra'y* atau bersandarkan kepada ijtihad, kerana ia lebih kepada petunjuk melalui kajian sains dan tidak menggunakan ijtihad melalui akal. Dengan erti kata lain, ia berasaskan kepada petunjuk-petunjuk yang terkandung dalam al-Qur'an itu sendiri khususnya berkaitan dengan kehebatan penciptaan Allah SWT terhadap makhluk-makhlukNya.

Oleh itu, bolehlah difahami bahawa Tafsir *al-'Ilmi* adalah untuk menjelaskan teks al-Qur'an dengan ilmu pengetahuan moden yang dimiliki oleh pentafsir zamannya, dan ilmu pengetahuan tersebut belum tersebar pada zaman al-Qur'an diturunkan. Ini adalah bagi membuktikan bahawa bahawa kitab suci ini bukanlah datangnya dari manusia akan tetapi dari Allah s.w.t dan ia sesuai untuk sepanjang zaman. Pada masa yang sama tafsir ini boleh memperkukuhkan penemuan atau epistemologi ilmu moden yang dibuat berdasarkan sekadar kemampuan ilmu dan akal manusia. Dari segi fungsinya pula, Tafsir *al-'Ilmi* berperanan untuk menjadi penjelasan atau *tabyin* terhadap teks al-Qur'an dengan teknologi dan pengetahuan semasa yang wujud pada zaman tersebut. Fungsi ini adalah kesimpulan dari pendapat al-Dhahabi dan Abu Hamid al-Ghazali (M. 1111 M). Selain dari itu ia berfungsi sebagai l'jaz al-Qur'an bagi membuktikan bahawa isi kandungan kitab tersebut adalah selari dengan ilmu pengetahuan moden, dan sekaligus membuktikan ia adalah dari Allah SWT. Fungsi ini adalah kesimpulan dari pandangan al-Suyuti dan Muhammad bin Ahmad al-Iskandarani. Manakala fungsi berikutnya ialah sebagai *istikhrāj al-'ilm* atau mengambil pendekatan bahawa teks al-Qur'an boleh melahirkan atau memperkukuh teori ilmu pengetahuan pada zaman moden. Fungsi ini pula adalah kesimpulan dari pandangan dan Abu al-Fadl al-Mursi (M. 655H / 1257 M).

Perkataan *kawniyyah* pula berasalnya dari perkataan *kawn* yang merupakan kata terbitan dari kata kerja *kana*, yang bermaksud : Alam yang wujud⁸, atau satu jumlah perkara yang wujud, mempunyai tempat dan masa. Manakala *kawn* juga bermaksud jirim-jirim yang membentuk alam. *Al-Kawn al-A'la* khusus dikhususkan kepada Allah SWT *Al-Kawnan* pula ditujukan kepada dunia dan akhirat. *Al-Kawni* adalah kalimah yang digunakan oleh masyarakat Arab untuk menunjukkan perkara yang disandarkan kepada alam. *Ilmu al-Kawniyyat* adalah ilmu yang membicarakan tentang hakikat umum alam dari sudut asal dan kejadian alam serta keadaannya⁹.

Jika menggunakan bahasa Inggeris, perkataan yang paling hampir dengan makna *al-Kawniyyah* ialah : *creature, animate,*

*being, cosmos, universe, the world dan the creation*¹⁰. Justeru, dalam kajian ini, *al-Kawniyyah* merujuk kepada ciptaan Allah SWT yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu termasuk astronomi, embriologi, biologi, geologi, botani, sains kesihatan dan sebagainya. Oleh itu, Tafsir *al-'Ilmi* dan Tafsir Ayat *Kawniyyah* mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Ini memandangkan Tafsir *al-'Ilmi* merupakan satu aliran dalam pentafsiran ayat al-Qur'an sebagaimana terdapatnya aliran lain seperti aliran Sastera dan Bahasa (Tafsir *al-Lughawi / al-Adabi*)¹¹, aliran Falsafah (Tafsir *al-Falsafi*)¹², aliran Hukum Fikah (Tafsir *al-Fiqhi / al-Ahkam*)¹³, aliran Tasawuf¹⁴ (Tafsir *al-Sufi / al-Ishari*)¹⁵ dan aliran Budaya atau Masyarakat (Tafsir *al-Ijma'i*)¹⁶. Sementara itu Tafsir Ayat *Kawniyyah* pula merupakan subjek yang dijadikan bahan dalam proses pentafsiran. Sebagaimana sekiranya Tafsir *al-Fiqhi* adalah merupakan aliran pentafsiran bagi menghuraikan ayat yang berkaitan dengan hukum fikah, dan begitulah juga dengan aliran-aliran pentafsiran yang lain.

Epistemologi Dari Perspektif Barat dan Islam

Episteme bermaksud pengetahuan dan logos pula membawa erti teori. Epistemologi dari aspek bahasa boleh ditakrifkan sebagai teori ilmu pengetahuan (*theory of knowledge*). Dari aspek terminologi, epistemologi merupakan satu bidang dalam falsafah yang membincangkan secara terperinci proses bagi mendapatkan ilmu pengetahuan¹⁷. Ia melibatkan perbincangan berhubung dengan sumber, metodologi dan pengesahan sesuatu ilmu. Dengan memahami unsur-unsur tersebut maka ilmu pengetahuan dapat diyakini sepenuhnya¹⁸.

Epistemologi mengikut tradisi Barat memberi ruang sepenuhnya kepada akal manusia yang menjadi dasar dan teras pengetahuan untuk menjalankan penyelidikan. Menurut tradisi ini ilmu pengetahuan diperolehi hasil daripada kegiatan akal manusia semata-mata¹⁹. Berbeza dengan epistemologi dari perspektif Islam yang tidak bersumberkan akal semata-mata, akan tetapi lebih berpusatkan kepada Allah SWT. Menurut epistemologi Islam, setiap pencapaian yang diperolehi adalah bergantung kepada kehendak Allah SWT. Ini bererti,

epistemologi Islam menjadikan Allah SWT sebagai fokus dan sumber bagi ilmu pengetahuan²⁰. Manusia berperanan sebagai khalifah lalu berusaha untuk mencari pengetahuan seterusnya menyebarkan ilmu tersebut untuk manfaat umat sejagat. Dalam erti kata yang lain, epistemologi Islam adalah bersandarkan kepada paradigma tauhid, yang tidak menjadi amalan dalam epistemologi Barat.

Transformasi Epistemologi

Transformasi epistemologi adalah proses perubahan dalam teori ilmu yang turut bergantung kepada kebudayaan sesuatu masyarakat. Perkembangan epistemologi tidak akan terlepas daripada asas sistem nilai (*basic of value system*) yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Pengetahuan diluahkan dari idea kreatif manusia yang menjadi anggota dalam sesebuah masyarakat. Melalui perkembangan epistemologi ini anggota masyarakat mampu untuk menghasilkan daya cipta yang boleh dianggap sebagai suatu nilai (*value*) tersendiri oleh masyarakat tersebut²¹.

Dalam penulisan tafsir ayat *kawniyyah*, telah berlaku transformasi epistemologi karya di dalam bahasa Arab semenjak awal penulisananya sehinggalah ke hari ini. Ini adalah berikutan daripada berlakunya perubahan kebudayaan dan diikuti dengan reformasi dalam ilmu tafsir itu sendiri. Perbincangan selanjutnya membahaskan kemunculan dan perkembangan karya tafsir terhadap ayat tersebut.

Kemunculan dan Perkembangan Kajian Ayat *Kawniyyah*

Boleh dikatakan bahawa bibit permulaan kemunculan model tafsir ini wujud pada zaman 'Abbasiyyah lebih-lebih lagi pada zaman pemerintahan Harun al-Rashid (169-194H/ 785-809M) dan al-Ma'mun (198-215H/ 813-830M). Pada waktu berkenaan telah berlakunya perkembangan pelbagai ilmu dengan pesat melalui penterjemahan pelbagai karya ilmiah. Maka muncullah tokoh agung seperti al-Razi (251-313H/ 865-925M) yang terkenal dalam bidang falsafah dan perubatan, Ibn Sina (370-429H/ 980-1037M) yang popular dalam bidang

perubatan dan al-Kindi (185-260H/801-873M) yang dikenali sebagai seorang tokoh yang hebat dalam bidang matematik.

Melalui hasil penulisan yang kekal sehingga hari ini, adalah didapati bahawa karya *Ihya' 'Ulum al-Din* hasil nukilan oleh al-Ghazali merupakan antara karya awal yang memberikan legitimasi²² terhadap Tafsir *al-'Ilmi*. Ini adalah berdasarkan beberapa kenyataan yang beliau tegaskan melalui karyanyatersebut. Antara kenyataannya, beliau menukilkan kata ulamak dengan berkata:

“Sesungguhnya al-Qur’an mengandungi tujuh puluh tujuh ribu dua ratus ilmu. Setiap perkataan itu adalah ilmu, kemudian ia digandakan dengan empat kali, dan ia mempunyai makna yang zahir dan tersembunyi”²³.

Melalui karya beliau yang lain iaitu *Jawahir al-Qur’an wa Dururuh*, juga didapati kenyataan beliau yang menegaskan bahawa terdapat pelbagai ilmu dalam al-Qur’an. Antara ilmu tersebut ialah ilmu perubatan yang terdapat dalam ayat 80 surah *al-Shu’ara* dan ayat 6-8 surah *al-Infitar*. Selain dari itu turut didapati ilmu Astronomi dalam ayat 5 surah *al-Rahman*, ayat 5 surah *Yunus*, ayat 8-9 surah *al-Qiyamah* dan ayat 61 surah *a-Haj*. Turut terkandung dalam karya tersebut ilmu anatomi haiwan termasuk organnya, ilmu sihir dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai ilmu dalam kitab suci ini namun kita sebagai manusia sudah tentu mempunyai kemampuan yang terbatas untuk menyingkapinya²⁴.

Karya yang terkenal selepas zaman al-Ghazali yang turut menyentuh bidang Pentafsiran Ayat *Kawniyyah* ialah *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur’an* yang dihasilkan oleh Jalal al-Din al-Suyuti (849-911H/1445-1505M). Dalam karya tersebut beliau menyatakan bahawa al-Qur’an mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan. Fakta ini beliau sandarkan kepada beberapa ayat al-Qur’an sendiri yang menjelaskannya²⁵. Melalui karyanya yang lain, iaitu *al-Iklil fi Istinbat al-Tanzil* beliau turut berkata:

“sesungguhnya dalam al-Qur’an terdapat seluruh ilmu yang menjelaskan kepada kita tentang segala

*sesuatu, akan tetapi ilmu kita terbatas pada sesuatu yang dijelaskan pada kita dalam al-Qur'an*²⁶

Kemudian muncul karya *al-Rayy al-Zaman* yang dihasilkan oleh Abu al-Fadl al-Mursi (M655H/1257M)²⁷. Al-Mursi menjelaskan bahawa al-Qur'an mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan yang merangkumi ilmu klasik dan moden. Ilmu tersebut tidaklah dapat diketahui dengan sempurna melainkan Allah SWT, kecuali ilmu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW dan ia diwariskan kepada sahabat baginda. Menurutnya, terdapat dalam al-Qur'an pelbagai disiplin ilmu, antaranya ialah ilmu perubatan dalam surah al-Nahl (16): 69, astronomi dalam surah al-Ahqaf (46): 4, kejuruteraan dalam surah al-Mursalat (77): 30-31. Al-Qur'an juga mengandungi ilmu berkaitan dengan menjahit pakaian yang terdapat dalam al-A'raf (7): 22, berkaitan besi dalam surah al-Kahf (18): 96, pertukangan kayu dalam surah Hud (11): 37, memintal dalam surah al-Nahl (16): 92, menenun dalam surah al-'Ankabut (29): 41, pertanian dalam surah al-'Ankabut (56): 63, perburuan dan menyelam dalam surah Sad (38): 37, pelayaran dan navigasi dalam surah al-Kahf (18): 79 dan penulisan dalam surah al-'Alaq. Selain itu, kitab tersebut juga mengandungi ilmu berkaitan pembuatan roti seperti yang terkandung dalam surah Yusuf (12): 36, ilmu mengenai memasak yang terdapat dalam surah Hud (11): 69²⁸.

Selain dari karya yang disebut di atas, terdapat karya lain dalam tafsir ini iaitu *Qanun al-Ta'wil* yang dihasilkan oleh Abi Bakr Ibn al-'Arabi (M543H/1148M), *al-Tafsir al-Kabir* atau dikenali juga dengan *Mafatih al-Ghayb* yang ditulis oleh Fakhr al-Din al-Razi (M606H/1209M), *Ghara'ib al-Qur'an wa Ragha'ib al-Furqan* oleh al-Nisaburi (M728H/1327M), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil* karya tafsir yang dihasilkan oleh al-Baydawi (M791 H/1389M) dan *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa Sab' al-Mathani* sebuah karya tafsir oleh al-Alusi (M1217H/1802M). Karya-karya ini dipercayai cenderung kepada Tafsir *al-'Ilmi*, namun ia tidaklah terikat semata-mata kepada aliran ini kerana di dalamnya terdapat juga kecenderungan terhadap bahasa, akidah, fikah, falsafah dan tasawuf²⁹.

Kemudian muncul pula *Kashf al-Asrar al-Nuraniyyah al-Qur'aniyyah fi ma Yata'allaq bi al-Ajram al-Samawiyyah wa al-Ardiyyah wa al-Hayawanat wa al-Nabatat wa al-Jawahir al-Ma'daniyyah* hasil tulisan Muhammad Ibn Ahmad al-Iskandarani. Karya ini pertama kalinya diterbitkan dengan tiga jilid di Kaherah pada tahun 1297H/1880M, iaitu kira-kira beberapa tahun sebelum penjajahan British di Mesir. Karya ini melakukan perbincangan mengenai objek yang wujud di angkasa dan bumi, alam haiwan dan serangga serta lain-lain lagi³⁰. Selain daripada itu, beliau turut menghasilkan karya lain iaitu "*Tibyan al-Asrar al-Rabbaniyyah*"³¹ dan ia diterbitkan pada tahun 1300H/1883M, iaitu setelah berlakunya penjajahan British di bumi Mesir. Penerbitan karya berkenaan diikuti dengan *Muqaranah Ba'd Mabahith al-Hay'ahbi al-Waridah fi al-Nusus al-Shar'iyyah* sebuah tulisan 'Abd Allah Basha Fikri yang diterbitkan pada tahun 1315H/1897M.

Perkembangan karya tafsir ini telah mendapat sambutan dari cendekiawan Islam semejak dari kemunculannya. Jika pada peringkat awal kewujudannya, ia lebih cenderung terhadap pengaruh ilmu Yunani yang terkenal pada waktu itu. Setelah berlaku peredaran zaman, ia terpengaruh dengan tamadun Barat dan teknologi yang wujud di dunia Islam. Situasi ini lebih jelas kelihatan ketika berkembangnya pengaruh Barat dan Eropah di Negara Islam seperti pengaruh Inggeris di Mesir pada tahun 1300H/1882M. Pada waktu tersebut terdapat banyak perbincangan mengenai hubungan al-Qur'an dengan pelbagai ilmu pengetahuan dilakukan. Sebagai buktinya, terdapat banyak hasil karya mengenainya yang kekal sehingga ke hari ini.

Kajian Ayat Kawniyyah Era Moden

Karya *al-Din fi Nazar al-'Aql al-Sahih* yang dihasilkan oleh Muhammad Tawfiq Sidqi muncul sebagai antara karya awal dalam bidang pentafsiran Ayat *Kawniyyah* pada awal abad ke-20 Masihi. Karya ini dicetak pertama kalinya pada tahun 1323 h/ 1905 M dan diterbitkan di Kaherah³². Selain daripada itu, beliau juga mempunyai karya lain iaitu "*Durus Sunan Ka'inat Muhadarat Tibiyyah 'Ilmiyyah Islamiyyah*" yang dicetak

pada tahun 1328H/1910M. Karya kedua ini membincangkan mengenai ilmu kimia, biologi dan yang berkaitan dengan sains³³.

Kemudian ia diikuti oleh karya tafsir yang berjudul *al-Jawahir fi Tafsir al-Qur'an al-Karim* hasil tulisan Tantawi Jawhari. Kitab ini mula dicetak pada tahun 1341H/1922M. Beliau memulakan tafsiran al-Qur'an dengan menyebut sesuatu surah itu *Makkiyah* atau *Madaniyah*, bilangan ayatnya dan kadang-kadang dikaitkan dengan surah yang sebelumnya. Kemudian beliau membahagikan sesuatu surah kepada beberapa bahagian dan tiap-tiap bahagian itu terdiri dari beberapa ayat. Dalam pentafsiran lafaz ayat, ia dilakukan dengan ringkas. Kemudian dikupas sesuatu ayat itu dengan ilmu sains beserta dengan gambar-gambar dan penjelasan yang panjang lebar³⁴. Oleh itu bolehlah dirumuskan bahawa karya beliau memfokuskan integrasi ayat-ayat saintifik dengan alam semulajadi, tidak terikat dengan tafsiran sarjana konvensional. Di samping itu beliau juga mempunyai karya lain dalam bidang berkenaan yang dicetak pada tahun 1344H/1925 M iaitu *al-Qur'an wa al-'Ulum al-'Asriyyah*.

Selepas itu muncul pula karya berjudul *al-Islam wa al-Tibb al-Hadith* yang ditulis oleh 'Abd al-'Aziz Isma'il. Karya dalam bidang pentafsiran Ayat *Kawniyyah* ini mula dicetak pada tahun 1357H/1938M³⁵. Beliau juga aktif menulis artikel dalam majalah *al-Azhar* dalam tahun berkenaan. Dalam karyanya, beliau menyatakan terdapat banyak ayat al-Qur'an yang tidak dapat difahami melainkan kita memahami ilmu semasa. Beliau juga berpendapat akan tiba satu masa bahawa mereka yang tidak tergolong dalam bidang agama akan lebih mengenali agama, berbanding dengan mereka yang terdiri daripada golongan itu sendiri.

Kemudian ia diikuti oleh beberapa karya lain iaitu *al-Nazariyyah al-'Ilmiyyah fi al-Qur'an* yang dihasilkan oleh Hussayn al-Harawi. Karya ini dicetak pada tahun 1361H/1942M. Selain itu, terdapat juga karya yang berjudul *Mu'jizat al-Qur'an fi Wasf al-Ka'inat* yang dihasilkan oleh Hanafi Ahmad. Ia mula dicetak pada tahun 1374H/1954M³⁶. Karya ini diulang lagi cetak

pada tahun 1380H/1960M dengan menggunakan tajuk *al-Tafsir al-'Ilmi li al-Ayat al-Kawniyyah*. Pada tahun 1388H/1968M karya ini juga turut dicetak dengan menggunakan nama tersebut. Melalui karyanya, beliau membahaskan ilmu astronomi, fizik, meteorologi dan geologi yang terdapat dalam al-Qur'an³⁷.

Selain itu, terdapat beberapa karya lain seperti *al-Janib al-'Ilmi fi al-Qur'an* yang dihasilkan oleh Salah al-Din al-Khattab, yang diterbitkan pada tahun 1390H/1970M. Begitu juga Muhammad Farid Wajdi (1292-1359H/1857-1940M) yang mempunyai karya dalam bidang pentafsiran Ayat *Kawniyyah* yang berjudul "*al-Mushaf al-Mufassar*" yang telah diterbitkan pada tahun 1977 M³⁸. Beliau juga menghasilkan ensiklopedia sebanyak 10 jilid dan diberi nama *Da'irah Ma'arif al-Qarn al-'Ishrin min al-Qarn al-Rabi' 'Ashr ila al-Qarn al-'Ishrin*³⁹.

Dari sudut metodologi penulisan, Muhammad al-Ghamrawi telah menulis dalam bukunya *al-Islam fi Asr al-'Ilm* menekankan dua perkara penting yang mesti dipatuhi dalam mentafsirkan Ayat *Kawniyyah*, iaitu ; Tidak sewajarnya untuk memahaminya dalam al-Qur'an dengan menukar bentuk '*haqikah*' kepada *majaz* melainkan terdapat bukti yang menghalang dari penggunaan makna hakiki. Sekiranya formula ini tidak dipatuhi, nescaya berlakunya kesilapan dalam mentafsirkan al-Quran dan hendaklah tidak mentafsirkan ayat-ayat tersebut melainkan dengan keyakinan tetap yang nyata, bukan dengan andaian atau teori-teori yang berubah-ubah⁴⁰. Kita boleh menyimpulkan bahawa beliau telah berusaha menggariskan beberapa etika penting dalam memahami ayat *Kawniyyah* supaya tidak berlaku pemesongan terhadap pemahaman.

Muhammad Ismail Ibrahim pula yang menghasilkan *al-Qur'an wa l'jazuh al-'Ilmi* menggunakan metodologi dengan menyebut ayat-ayat serta kedudukannya dalam al-Quran dan merujuk pentafsiran oleh ahli-ahli tafsir yang muktabar. Bagi beliau, pentafsiran *al-Ra'y al-'Ilmi* perlulah mengambil penemuan-penemuan baru melalui teori sains yang bertepatan dengan kandungan al-Qur'an dan membentangkan asas-asas ilmu yang berkaitan dengan ayat-ayat melalui penerangan mudah difahami oleh pembaca, sebagai memperkukuhkan hubungan

antara sains dengan al-Quran⁴¹. Rumusannya, beliau telah cuba mengintegrasikan antara sarjana tradisional dengan penemuan baru dalam pentafsiran ayat-ayat saintifik dalam al-Qur'an.

'Abd al-Rahman al-Kawakibi pula menulis karyanya yang berjudul "*Taba'i' al-Istibdad wa Masari' al-Isti'bad*"⁴², merupakan himpunan artikel diterbitkan dalam beberapa majalah ketika beliau berada di Mesir. Karya tersebut telah diterbitkan pada tahun 1318 H/ 1900 M dengan menggunakan pena الرحالة (ك) yang bermakna *pelancong/pengembara*. Beliau menyatakan pada awal karyanya bahawa mereka yang terdahulu tidak begitu cenderung untuk berkecimpung dalam Tafsir *al-'Ilmi* kerana dibimbangi menyalahi pendapat ahli tafsir yang terdahulu.

Pada penghujung abad ke-20 Masihi, muncul karya *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyah* oleh 'Abd Allah Shihatah. Karya ini mengandungi sebanyak 274 ayat *Kawniyyah* dan beliau telah membahagikannya kepada 55 bahagian. Penulis memulakan perbincangan setiap bahagian dengan meletakkan tajuk yang sesuai dengan bahagian tersebut, kemudian menulis ayat-ayat tertentu diikuti dengan makna atau pengertian kalimah dan diikuti oleh pentafsiran ayat secara terperinci. Kemudian pada akhir bahagian tersebut beliau memberi ulasan bagi ayat-ayat yang telah dibincang⁴³. Ringkasnya, karya beliau lebih cenderung kepada tafsir tematik berpandukan makna dari sudut bahasa.

Sementara itu, Mansur Hasb al-Nabi dalam karyanya *al-Kawn wa al-I'jaz al-'Ilmi li al-Qur'an* ketika membincangkan Ayat *Kawniyyah* beliau tidak menukilkan tafsiran golongan salaf dan beliau juga tidak menilai pendapat-pendapat ahli tafsir terdahulu; beliau tidak menjelaskan istilah-istilah saintifik dari segi bahasa yang terdapat dalam ayat *Kawniyyah* mengenai sesuatu isu yang cuba dibahaskan. Di samping itu, beliau juga tidak menjelaskan maklumat dalam karyanya sama ada ia dinukil dari karya-karya dari negara Barat atau ia merupakan dari sumber bahasa Arab⁴⁴. Selain itu, beliau mempunyai karya lain dalam bidang ini iaitu *al-Qur'an al-Karim wa al-'Ilm al-*

Hadith (1981) yang mempunyai versi dalam bahasa Inggeris (1991)⁴⁵. Jelas, kedua-dua karya beliau tidak menjelaskan tentang metodologinya dalam pendahuluan buku yang ditulis, tetapi dapat diketahui melalui pengamatan isi kandungannya sebagaimana yang telah dijelaskan.

Bagi 'Abdal-'Alim Khaidir pula, yang menulis *al-Zawahir al-Jahrafiyyah Bayna al-'Ilm wa al-Qur'an*, beliau menjelaskan kefahaman al-Qur'an berkaitan sesuatu isu yang dibincangkan kemudian menganalisis kefahaman al-Qur'an mengikut pandangan ahli-ahli tafsir. Langkah tersebut diikuti dengan menghubungkan antara ayat al-Qur'an dengan formula-formula geografi serta menjelaskan persamaan antara sains dan al-Qur'an dalam sesuatu fenomena geografi. Beliau membuat penerangan bahawa al-Qur'an lebih terdahulu dan lebih global untuk kegunaan ummat manusia⁴⁶. Bolehlah disimpulkan bahawa karya beliau mengintegrasikan antara al-Qur'an dengan geografi dengan mengambilkira tafsiran sarjana dalam bidang pentafsiran al-Qur'an.

Karya *Hidayah al-Qur'an fi al-Afaq wa fi al-Nufus* yang dihasilkan oleh Muhammad Ibrahim Sharif memberi komitmen terhadap syarat-syarat pentafsiran ayat *Kawniyyah* supaya sesuatu isu yang dibincangkan itu adalah sesuatu yang hakikat, dengan tidak berpegang kepada hipotesis dan teori-teori yang sentiasa berubah-ubah. Beliau bertegas bahawa tidak boleh mentafsirkan ayat yang '*haqiqah*' ditukarkan kepada '*majaz*', melainkan terdapat sesuatu yang jelas menghalang dari makna yang *hakikat*. Sekiranya terdapat istilah dari ayat al-Qur'an yang mempunyai lebih dari satu makna, maka makna-makna tersebut dihipunkan tanpa membuat pilihan. Beliau menggunakan tafsir tematik dalam menghuraikan ayat *Kawniyyah* dengan cara menghimpun ayat dalam tajuk tertentu, kemudian dijelaskan pandangan ahli-ahli tafsir terdahulu, dan akhirnya dibuat perbandingan dengan pandangan moden⁴⁷. Bolehlah dirumuskan bahawa beliau mengutamakan maksud yang dikehendaki oleh wahyu itu sendiri sehingga pentafsir benar-benar berkeyakinan berlandaskan ilmu terhadap maksud yang dikehendaki oleh sesuatu ayat yang dibincangkan.

Tawfiq 'Izzuddin berpandangan dalam membincangkan ayat *Kawniyyah* melalui kajiannya *Dalil al-Anfus Bayn al-Qur'an al-Karim wa al-'Ilm al-Hadith* hendaklah meyakini bahawa contoh yang dibawa itu betul sebagaimana yang dijelaskan al-Qur'an serta hendaklah mengkaji rujukan-rujukan muktabar dalam tafsir al-Qur'an serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Selain itu, hendaklah mengetahui makna-makna ayat yang dijelaskan dalam kitab-kitab tafsir muktabar, nukilan nabi, para sahabat, tabiin serta ahli tafsir⁴⁸. Jelas, beliau amat menitikberatkan ketepatan tafsiran dalam memahami sesuatu ayat saintifik berdasarkan kepada ilmu pentafsiran al-Qur'an yang sebenar.

Sementara itu, Yahya Sa'id al-Mihjiri dalam karyanya *Ayat Qur'aniyyah fi Mishkat al-'Ilm* mempamerkan ayat al-Qur'an tertentu kemudian beliau mentafsirkan dari aspek bahasa atau kadangkala menukulkan tafsiran tradisional dan membincangkan fenomena sains, berdasarkan pandangan beliau. Kemudian beliau kembali kepada ayat al-Qur'an bagi mengaitkan isu-isu saintifik yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut. Dan akhirnya, beliau mengeluarkan dapatan-dapatan baru terhadap makna ayat-ayat tersebut⁴⁹. Oleh itu bolehlah disimpulkan bahawa beliau menjadikan elemen bahasa dan pandangan ahli-ahli tafsir sebagai asas sebelum mengaitkan fenomena semasa dalam pentafsiran ayat *Kawniyyah* dalam al-Qur'an.

Selain dari kajian dan karya yang dinyatakan tadi, terdapat beberapa lagi kajian dan karya yang telah ditulis mengenai pentafsiran ayat *Kawniyyah*, antaranya buku *al-Mukjizah al-Kubra al-Quran* oleh Muhammad Abu Zahrah⁵⁰, artikel *al-Ulum al-Biulujiyyah fi Khidmah Tafsir al-Quran al-Karim – Minhaj wa Tatbiq* oleh Muhammad 'Abd al-Hafiz Hilmi⁵¹, buku *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyah fi al-Quran al-Karim* oleh 'Abd Al-Mun'im 'Asyri⁵², *al-Asrar al-Tibbiyyah wa al-Ahkam al-Fiqhiyyah fi Tahrim al-Khinzir*⁵³ oleh Muhammad Ali al-Barr, dan kajian ilmiah yang bertajuk *Ma'a al-Tibb fi al-Qur'an al-Karim* yang dikaji secara berpasukan oleh 'Abd al-Hamid Diyab dan Ahmad Qurquz⁵⁴. Kesemua karya mereka dari segi metodologinya adalah hampir sama antara satu sama lain, seperti karya-karya yang telah disebutkan sebelum ini.

Selain itu, aliran tafsiran seumpama ini juga didapati dalam tafsir *al-Manar*⁵⁵ oleh Muhammad Abduh dan ditulis oleh muridnya Muhammad Rasyid Ridha, serta tafsir *al-Maraghi* oleh Ahmad Mustafa al-Maraghi⁵⁶. Manakala *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyah fi al-Quran al-Karim* oleh Zaghlul al-Najjar merupakan karya yang terbaru khusus dalam pentafsiran ayat *Kawniyyah*⁵⁷ dengan huraian yang lebih terperinci. Jelaslah bahawa sarjana-sarjana ini mengaitkan ayat-ayat tersebut dalam al-Qur'an dalam tafsiran mereka dengan kajian sains dan penemuan dalam sesuatu bidang yang diterokai.'

Kesimpulan

Berdasarkan kajian literatur yang telah dinyatakan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa telah berlaku transformasi epistemologi karya-karya oleh sarjana Islam terhadap pentafsiran mereka mengenai ayat *Kawniyyah* dalam al-Qur'an. Kebanyakan mereka telah merujuk kepada tafsiran al-Qur'an oleh ulamak terdahulu, hadis-hadis, pendapat sahabat, pandangan tabi'in dan ahli tafsir muktabar. Di samping itu juga, mereka mentafsirkan ayat-ayat tersebut dengan merujuk kepada kaedah tatabahasa arab beserta ilmu morfologi dan seumpamanya. Mereka juga tidak membenarkan sewenang-wenangnya penukaran makna dari *hakikat* kepada *majaz*, serta melarang dari menggunakan teori sains yang berubah-ubah. Sekiranya sesuatu perkataan terdapat lebih dari satu makna, ia dihipunkan kemudian dibuat pemilihan setelah dipertimbangkan mengikut kesesuaian sesuatu isu. Sementara itu bagi mereka yang tidak menepati syarat pentafsiran al-Qur'an pula, adalah disebabkan kerana tidak merujuk kepada tafsir salaf yang muktabar, serta terdapat juga dari kalangan mereka yang tidak menyebut sumber yang diambil ketika mentafsirkan ayat-ayat berkenaan. Oleh yang demikian, adalah menjadi kesukaran bagi pembaca untuk memastikan sama ada isu yang diketengahkan adalah dari sumber yang berautoriti atau sebaliknya.

RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad.1970.*al-Mukjizah al-Kubra al-Quran*.
Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Mukhtar 'Umar *et. Al.*(tt). *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*.
(ttp): al-Munazzamah al-'Arabiyah li al-Tarbiyah wa al-
Thaqafah wa al-'Ulum.
- Aholiab Watloly. 2001. *Tanggung Jawab Pengetahuan
Mempertimbangkan Epistemologi Secara Kultural*.
Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- al-'Ak, Khalid 'Abd al-Rahman. 1986.*Usul al-Tafsir wa
Qawa'iduh*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- 'Asyri , 'Abd Al-Mun'im.1985. *Tafsir al-Ayat al-Kawaniyyah fi al-
Quran al-Karim*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Amah
li al-Kitab.
- al-Barr, Muhammad Ali.1986. *al-Asrar al-Tibbiyyah wa al-
Ahkam al-Fiqhiyyah fi Tahrim al-Khinzir. (t.t.p): al-Dar al-
Sa'udiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'*.
- Bucaille, Maurice.1989.*The Bible , The Qur'an And Science*.
Alastair D.Pannell (pent.). Kuala Lumpur: A. S Noordeen.
- Diyab, 'Abd al-Hamid dan Qurquz , Ahmad.1984.*Ma'a al-Tibb
fi al-Qur'an al-Karim*.Beirut: Mu'assasah 'Ulum al-Quran.
- al-Dhahabi, Muhammad bin Husin.1976.*al-Tafsir wa al-
Mufassirun*.Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Doniach, N.S et al.1972.*The Oxford English Arabic Dictionary
of Current Usage*. Oxford: Oxford University Press.
- al-Ghamrawi, Muhammad bin Ahmad.1973.*al-Islam fi 'Asr al-
'Ilm*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad.1988.*Jawahir al-
Qur'an wa Duraruh*.Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad.1994.*Ihya' 'Ulum al-
Din*.Beirut: Dar al-Khayr.
- Hanafi Ahmad.1954.*Mu'jizat al-Qur'an fi Wasf al-Ka'inat*.
Kaherah: Lujnah al-Bayan al-'Arabi.
- Hanafi Ahmad.1968.*al-Tafsir al-'Ilmi li al-Ayat al-Kawaniyyah fi
al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Hassab el-Naby, M.1991.*The Glorious Qur'an and Modern
Science*. Cairo: General Egyptian Organization for Book.
- Hasb al-Nabi ,Mansur Muhammad.1981.*al-Kawn wa al-I'jaz
al-'Ilmi li al-Qur'an*.Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

- Hasb al-Nabi, Mansur Muhammad.1991.*al-Qur'an al-Karim wa al-'Ilm al-Hadith*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Hilmi, Muhammad 'Abd al-Hafiz.1982."al-Ulum al-Biulujiyyah fi Khidmah Tafsir al-Quran al-Karim – Minhaj wa Tatbiq", *Majalah 'Alim al-Fikr*. Jil. 125. Bil. 4.
- al-Iskandarani, Muhammad bin Ahmad.1880.*Kashf al-Asrar al-Nuraniyyah al-Qur'aniyyah*, Kaherah: al-Matba'ah al-Wahhabiyyah al-Misriyyah.
- al-Iskandarani, Muhammad bin Ahmad.1883. *Tibyan al-Asrar al-Rabbaniiyyah fi al-Nabat wa al-Ma'adin wa al-Khawas al-Hayawaniyyah*, Istanbul.
- Ismail, 'Abd al-'Aziz.1938. *al-Islam wa al-Tibb al-Hadith*. Kaherah: Matba'ah al-I'timad.
- 'Izzuddin, Tawfiq.1986.*Dalil al-Anfus Bayn al-Qur'an al-Karim wa 'Ilm wa al-Hadith*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Jansen, J.J.G.1974. *The Interpretation of the Koran in Modern Egypt*. Leidin: E.J. Brill.
- Jawhari, Tantawi.2004.*al-Jawahir fi Tafsir al-Quran al-Karim*. Beirut: Maktabah Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Juriah binti Mohd Amin.1998."Kemukjizatan al-Qur'an dan Sains". (Disertasi Sarjana Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Kasule, Omar Hasan. 2009. "Epistemologi Islam dan Proyek Reformasi Kurikulum", (Kertas Kerja Seminar Epistemologi Islam dan Integrasi Ilmu pengetahuan Pada Universitas Islam, Institut Agama Islam Negeri Palembang, 30 Januari 2009).
- al-Kawakibi, 'Abd al-Rahman.1900.*Taba'i' al-Istibdad wa Masari' al-Isti'bad*. Beirut: Manshurat al-Jamal.
- Khaidir, 'Abdal-'Alim 'Abd al-Rahman.1984.*al-Zawahir al-Jaghrafiyyah Bayna al-'Ilm wa al-Quran*.Jedah: al-Dar al-Saudiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Kurdi, Rajih 'Abd al-Hamid. 2004. *Nazariyyah al-Ma'rifah Bayn al-Qur'an wa al-Falsafah*. Amman: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa.1950.*Tafsir al-Maraghi*, Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- al-Mihjiri, Yahya Sa'id.1991.*Ayat Qur'aniyyah fi Mishkat al-'Ilm*. Kaherah: Dar al-Mukhtar al-Islami.

- Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Ridha.1947. *Tafsir al-Manar*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah li Tiba'ah al-Kitab.
- Muhammad Ismail Ibrahim.1977. *al-Qur'an wa l'jazuh al-'Ilmi*. Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Najjar, Zaghlul Raghieb.2007. *Tafsir al-Ayat al-Kawnniyah fi al-qur'an al-Karim*.Kaherah: Maktabah al-Shuruq al-Islamiyyah.
- al-Naqrashi, Mahmud al-Sayyid 'Ali.1996. *al-Tafsir wa Rijaluh Bayn al-Haqiqah wa al-Iftira'*. Mansurah: Dar al-Fikr al-Islami.
- Noresah Baharom *et. al.*1996. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Khalid *et al.*2006. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qaradawi ,Yusuf. 2000. *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Qur'an*, Kathur Suhardi, (pent.) Jakarta : Pustaka al-Kautsar.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 1993. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr
- Rofid, A.2004. *Studi Kitab Tafsir*.Yogyakarta : Teras.
- Sharif, Muhammad Ibrahim.1986. *Hidayah al-Qur'an fi al-Afaq wa fi al-Nufus*. (t.t): (t.p).
- Shihatah, 'Abd Allah.1980. *Tafsir al-Ayat al-Kawnniyah*, Kaherah: Dar al-'tisam.
- Sidqi, Muhammad Tawfiq.1905. *al-Din fi Nazar al-'Aql al-Sahih*, Kaherah: (t.p).
- Sidqi, Muhammad Tawfiq.1910. *Durus Sunan Ka'inat Muhadarat Tibiyyah 'Ilmiyyah Islamiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Manar.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. 2008. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. (t.t). *al-Iktil fi Istinbat al-Tanzil*.Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus. 1999. *Epistemologi Islam Teori Ilmu Dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wajdi, Muhammad Farid.1970. *al-Mushaf al-Mufassar*. Kaherah: Maktabah Wahbah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

Wajdi, Muhammad Farid.1977.*Da'irah Ma'arif al-Qarn al-'Ishrin min al-Qarn al-Rabi' 'Ashr ila al-Qarn al-Ishrin.* Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Nota Akhir

- 1 Juriah binti Mohd Amin. 1998."Kemukjizatan al-Qur'an dan Sains". (Disertasi Sarjana Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.196-272.
- 2 Al-Qaradawi .2000.*Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Qur'an*, Kathur Suhardi, (pent.) Jakarta : Pustaka al-Kautsar. h. 27.
- 3 Maurice Bucaille.1989.*The Bible, The Qur'an And Science*, Alastair D.Pannell (pent.), Kuala Lumpur: A. S Noordeen cet. 1, h. 150.
- 4 Terminologi: Kajian tentang istilah. Lihat Noresah Baharom *et al.* 1996.*Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1434.
- 5 Al-Dhahabi, Muhammad bin Husin. 1976. *al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah. j. 2. h. 349.
- 6 J.J.G. Jansen. 1974. *The Interpretation of the Koran in Modern Egypt*. Leiden: E.J. Brill. h. 35.
- 7 Al-'Ak, Khalid 'Abd al-Rahman.1986.*Usul al-Tafsir wa Qawa'iduh*. Beirut: Dar al-Nafa'is. h. 217.
- 8 Othman Khalid *et al.* 2006.*Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2041.
- 9 Ahmad Mukhtar 'Umar *et. al.* (t.t),*al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, (t.t.p) : al-Munazzamah al-'Arabiyah li al-Tarbiyah wa al- Thaqafah wa al-'Ulum. h. 1061.
- 10 N.S Doniach *et al.* 1972.*The Oxford English Arabic Dictionary of Current Usage*. Oxford: Oxford University Press. h. 286.
- 11 Merupakan aliran tafsir yang memberi perhatian yang lebih terhadap aspek bahasa meliputi *i'rab*, baris bacaan, pembentukan kosa kata, susunan perkataan serta aspek sastera Arab seperti balaghah. Lihat al-Naqrashi.1996. *al-Tafsir wa Rijaluh Bayn al-Haqiqah wa al-Iftira'*.Mansurah: Dar al-Fikr al-Islami. h. 149-154. Antara karya tafsir yang terkenal dalam aliran ini ialah: *Ma'ani al-Qur'an* oleh Ibrahim bin al-Sariyy bin Sahl Abu Ishaq atau lebih

- dikenali dengan al-Zujaj (M. 311 H), *al-Bahr al-Muhit* oleh Muhammad bin Yusuf bin 'Ali Yusuf atau lebih popular dengan gelaran Abi Hayyan al-Andalusi (M. 754 H), *al-Kashaf* karya Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar atau lebih dikenali dengan al-Zamakhshari (M. 538 H/ 1143 M).
- 12 Merupakan tafsir al-Qur'an yang cenderung kepada aliran falsafah dan mengguna pemikiran falsafah dalam pentafsiran mereka. Karya tafsir yang terkenal dalam aliran ini ialah *Mafatih al-Ghayb* oleh Muhammad bin 'Umar bin Husayn bin al-Hasan bin 'Ali atau lebih dikenali dengan al-Fakhr al-Razi (M. 606 H).
 - 13 Merupakan pentafsiran al-Qur'an yang cenderung terhadap pentafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum-hakam dan perbahasan terhadapnya dilakukan dengan mendalam. Antara karya tafsir yang terkenal dalam aliran ini ialah:
Ahkam al-Qur'an oleh Abu Bakr Ahmad bin 'Ali al-Razi atau lebih dikenali sebagai al-Jassas (M. 370 H), merupakan rujukan penting dalam Fikah Hanafi. *Ibid.*, h. 151 dan *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* karya Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Andalusi atau dikenali sebagai al-Qurtubi (M. 671 H). Lihat Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 1993. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 11.
 - 14 Perkataan "Tasawuf" telah diterima pakai dalam bahasa Melayu yang membawa maksud jalan untuk mengenal Tuhan dengan benar-benar mendekatkan diri dengan Tuhan. Noresah Baharom, *op. cit.*, h. 1382
 - 15 Adalah pentafsiran yang cenderung terhadap aliran tasawuf yang memberi prioriti terhadap unsur-unsur pembersihan jiwa. Antara karya tafsir yang terkenal dalam aliran ini ialah: *Ahkam al-Qur'an* oleh Abu Bakr Majd al-Din Muhammad bin 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin 'Abd Allah al-Hatimi al-Andalusi, atau lebih dikenali sebagai Ibn 'Arabi (M. 638 H) dan *Haqa'iq al-Tafsir* oleh Abu 'Abd al-Rahman Muhammad bin al-Husayn bin Musa atau dikenali dengan Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami.
 - 16 Merupakan pentafsiran al-Qur'an dengan mengaitkan budaya hidup yang wujud dalam masyarakat. Karya yang popular dalam aliran ini ialah: *Tafsir al-Manar* oleh

- Muhammad 'Abduh (M. 1323 H) dan *Tafsir fi Zilal al-Qur'an* oleh Sayid Qutub (M. 1966 M).
- 17 Al-Kurdi, Rajih 'Abd al-Hamid. 2004. *Nazariyyah al-Ma'rifah Bayn al-Qur'an wa al-Falsafah*. Amman: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi', h. 63.
 - 18 Kasule, Omar Hasan. 2009. "Epistemologi Islam dan Proyek Reformasi Kurikulum", (Kertas Kerja Seminar Epistemologi Islam dan Integrasi Ilmu pengetahuan Pada Universitas Islam, Institut Agama Islam Negeri Palembang, 30 Januari 2009), h. 1.
 - 19 Al-Kurdi, Rajih 'Abd al-Hamid. *op. cit.* h. 66.
 - 20 Kasule, Omar Hasan. *op. cit.* h. 2. Lihat: Syed Muhamad Dawilah Al-Edrus. 1999. *Epistemologi Islam Teori Ilmu Dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 83-86.
 - 21 Aholiab Watloly. 2001. *Tanggung Jawab Pengetahuan Mempertimbangkan Epistemologi Secara Kultural*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius. h. 222.
 - 22 Legitimasi : Pernyataan yang sah. Lihat Noresah Baharom *et. al. ibid.* h. 782.
 - 23 al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. 1994. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut : Dar al-Khayr. j. 1. h. 383.
 - 24 al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. 1988. *Jawahir al-Qur'an wa Duraruh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. h. 31-33.
 - 25 Al-Suyuti, Jalal al-din. 2008. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. h. 661.
 - 26 Al-Suyuti, Jalal al-Din. (t.t.) *al-Iklil fi Istinbat al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. h. 140.
 - 27 Beliau ialah Muhammad bin 'Abd Allah bin Abi al-Fadl al-Sulami al-Mursi, mempunyai karya tafsir berjudul *al-Rayy al-Zaman* yang melebihi 20 jilid.
 - 28 Al-Dhahabi, Muhammad Hussin. *op. cit.* h. 352-355.
 - 29 A. Rofid. 2004. *Studi Kitab Tafsir*. Yogyakarta : Teras, h. 117, 158, 159.
 - 30 Al-Iskandarani, Muhammad bin Ahmad. 1880. *Kashf al-Asrar al-Nuraniyyah al-Qur'aniyyah*. Kaherah: al-Matba'ah al-Wahhabiyyah al-Misriyyah.
 - 31 Al-Iskandarani, Muhammad bin Ahmad. 1883. *Tibyan al-Asrar al-Rabbaniyyah fi al-Nabat wa al-Ma'adin wa al-*

- Khawas al-Hayawaniyah*. Istanbul: (t.p).
- 32 Sidqi, Muhammad Tawfiq. 1905. *al-Din fi Nazar al-'Aql al-Sahih*. Kaherah: (t.p).
- 33 Sidqi, Muhammad Tawfiq. 1910. *Durus Sunan Ka'inat Muhadarat Tibiyyah 'Ilmiyyah Islamiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Manar.
- 34 Jawhari, Tantawi. 2004. *al-Jawahir fi Tafsir al-Quran al-Karim*. Beirut: Maktabah Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 35 'Abd al-'Aziz Isma'il. 1938. *al-Islam wa al-Tibb al-Hadith*. Kaherah: Matba'ah al-l'timad.
- 36 Hanafi Ahmad. 1954. *Mu'jizat al-Qur'an fi Wasf al-Ka'inat*. Kaherah: Lujnah al-Bayan al-'Arabi.
- 37 Hanafi Ahmad. 1968. *al-Tafsir al-'Ilmi li al-Ayat al-Kawniyyah fi al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- 38 Wajdi, Muhammad Farid. 1970. *al-Mushaf al-Mufassar*. Kaherah: Maktabah Wahbah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- 39 Wajdi, Muhammad Farid. 1977. *Da'irah Ma'arif al-Qarn al-'Ishrin min al-Qarn al-Rabi' 'Ashr ila al-Qarn al-Ishrin*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- 40 Al-Ghamrawi, Muhammad bin Ahmad. 1973. *al-Islam fi 'Asr al-'Ilm*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.
- 41 Muhammad Ismail Ibrahim. 1977. *al-Qur'an wa l'jazuh al-'Ilmi*. Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi.
- 42 Al-Kawakibi, 'Abd al-Rahman. 1900. *Taba'i' al-Istibdad wa Masari' al-Isti'bad*. Beirut: Manshurat al-Jamal.
- 43 Shihatah, 'Abd Allah. 1980. *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyah*, Kaherah: Dar al-l'tisam.
- 44 Hasb al-Nabi, Mansur Muhammad. 1981. *al-Kawn wa al-l'jaz al-'Ilmi li al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- 45 Hasb al-Nabi, Mansur Muhamad. 1991. *al-Qur'an al-Karim wa al-'Ilm al-Hadith*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab. Lihat karya beliau yang diterjemahkan ke Bahasa Inggris: Hassab el-Naby, M. 1991. *The Glorious Qur'an and Modern Science*. Cairo: General Egyptian Organization for Book.
- 46 Khaidir, 'Abd al-'Alim 'Abd al-Rahman. 1984. *al-Zawahir al-Jaghrafiyyah Bayna al-'Ilm wa al-Quran*. Jedah: al-Dar al-Saudiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 47 Sharif, Muhammad Ibrahim. 1986. *Hidayah al-Qur'an fi al-Afaq wa fi al-Nufus*, (t.t): (t.p).

- 48 Tawfiq 'Izzuddin. 1986. *Dalil al-Anfus Bayn al-Qur'an al-Karim wa 'Ilm wa al-Hadith*. Kaherah: Dar al-Salam.
- 49 Al-Mihjiri, Yahya Sa'id .1991. *Ayat Qur'aniyyah fi Mishkat al-'Ilm*. Kaherah: Dar al-Mukhtar al-Islami.
- 50 Abu Zahrah, Muhammad.1970. *al-Mukjizah al-Kubra al-Quran*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- 51 Hilmi, Muhammad 'Abd al-Hafiz.1982."al-Ulum al-Biulujjiyyah fi Khidmah Tafsir al-Quran al-Karim – Minhaj wa Tatbiq", *Majalah 'Alim al-Fikr*. Jil. 125, Bil. 4.
- 52 'Asyri, 'Abd Al-Mun'im . 1985. *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyah fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Amah li al-Kitab.
- 53 Al-Barr, Muhammad Ali.1986. *al-Asrar al-Tibbiyyah wa al-Ahkam al-Fiqhiyyah fi Tahrir al-Khinzir*. (t.t.p): al-Dar al-Sa'udiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 54 Diyab , 'Abd al-Hamid dan Qurquz , Ahmad.1984. *Ma'a al-Tibb fi al-Qur'an al-Karim*.Beirut: Mu'assasah 'Ulum al-Quran, c. 7.
- 55 Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Ridha.1947. *Tafsir al-Manar*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah li Tiba'ah al-Kitab.
- 56 Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1950. *Tafsir al-Maraghi*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- 57 Al-Najjar, Zaghlul Raghieb. 2007. *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyah fi al-Qur'an al-Karim*, Kaherah : Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.